



**KUMPULAN YAYASAN SABAH**

Menara Tun Mustapha  
Kompleks Ibu Pejabat Yayasan Sabah  
Teluk Likas, Peti Surat 11623  
88817 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia  
Tel: 6 088 326300 Faks: 6 088 326424

E-mel: [ysinfo@ysnet.org.my](mailto:ysinfo@ysnet.org.my)

Laman Web: <http://www.yayasansabahgroup.org.my>



# SIARAN MEDIA

## [ MEDIA RELEASE/STATEMENT ]

**22 Jun 2024**

**UNTUK SIARAN SEGERA**

**KUMPULAN YAYASAN SABAH TURUT SERTA DALAM PERKHIDMATAN KOMUNITI BERGERAK ANJURAN PERBENDAHARAAN MALAYSIA SABAH**

**TAMBUNAN (Sabtu):** Seiring dengan kluster Kesejahteraan Rakyat di bawah konsep Malaysia Madani dan Sabah Maju Jaya, Kumpulan Yayasan Sabah turut serta menjayakan program Perkhidmatan Komuniti Bergerak (MCS) anjuran Perbendaharaan Malaysia Sabah. Program ini diadakan di Dewan Terbuka Kg. Pahu, Tambunan pada 22 Jun 2024.

Program setengah hari ini melibatkan jabatan-jabatan dan agensi-agensi Persekutuan dan Negeri di antaranya Perbendaharaan Malaysia Sabah, Kumpulan Yayasan Sabah, Pejabat Setiausaha Persekutuan Sabah, Pejabat Pembangunan Negeri Sabah, Jabatan Pertanian Sabah, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Penerangan Negeri Sabah, Pejabat Daerah Tambunan, Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Pendidikan Negeri Sabah, Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am Sabah, Mahkamah Negeri Sabah, PERKESO Sabah dan banyak lagi.

Dalam program ini, Kumpulan Yayasan Sabah menawarkan beberapa perkhidmatan untuk orang ramai antaranya peluang melanjutkan pengajian di University College Sabah Foundation (UCSF) dan Kolej Teknikal Yayasan Sabah KTYS). Pameran kraftangan produk tempatan juga diadakan dari Pusat Kraftangan Sabah.



*Gambar 1*



Gambar 2

Gambar 1 & 2 : Para pengunjung di booth Kumpulan Yayasan Sabah



Gambar 3 : Pengurus Zon Pedalaman Utara, Keningau, Encik Justin Gilob menerima cenderamata daripada Pegawai Kewangan Persekutuan Sabah, Encik Norali Ag. Damit

-----TAMAT-----

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Sam S. Karnail  
Pengurus Kumpulan  
Bahagian Komunikasi Korporat  
Kumpulan Yayasan Sabah  
Tel : 088-326448  
Faks : 088-421526/088-326424  
Emel : ynwaskarnail@gmail.com